

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10 June 2015

## PM, Dr. Mahathir perlu bertemu

Ulm  
- 10/6/2015

**KOTA BHARU 9 Jun** - Pertemuan empat mata dalam suasana kekeluargaan antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak perlu diatur dalam usaha menyelesaikan segala kekusutan melibatkan dua pemimpin negara itu.

Presiden Gerakan Belia Gagasan Malaysia (GBGiM), Shahrul Nasrun Kamarudin berkata, beliau percaya melalui pertemuan tersebut, segala isu berbangkit sebelum ini akan dapat diselesaikan dengan baik.

Katanya, sebagai seorang pemimpin yang berjiwa besar, Perdana Menteri wajar diberikan ruang dan peluang seluas-luasnya untuk merungkai semua persoalan ditimbulkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

"Serangan Dr. Mahathir secara terbuka terhadap kepemimpinan Najib tidak akan memberi sebarang kelebihan sebaliknya boleh menyebabkan keadaan semakin bercelaru selain melemahkan parti.

"Perkara paling penting sekarang



adalah memperkasakan semula parti seterusnya menguatkan kembali sokongan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tambah Shahrul Nasrun, semua pihak selama ini menghargai jasa dan pengorbanan pemimpin terdahulu khususnya Dr. Mahathir yang diakui telah banyak menyumbang kepada

pemangunaan negara.

Pada masa sama katanya, Perdana Menteri juga memainkan peranan yang sangat penting ketika ini iaitu meneruskan usaha membangunkan negara selain menjaga kebajikan seluruh rakyat negara ini.

"Saya yakin rakyat boleh menilai sendiri

di atas segala usaha dibuat Najib selama ini. Perdana Menteri telah melakukan yang terbaik demi kepentingan negara dan rakyat.

"Kita diajar oleh pucuk pimpinan untuk menjaga perpaduan negara, memelihara keamanan, menyemai kasih sayang tetapi di mana semua itu sekiranya masalah ini tidak diselesaikan dengan baik," katanya.